



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 28 RABU 13 JULAI, 1966. رابو 24 ربيع الاول 1386 PERCHUMA

BRUNEI TIDAK TERLIBAT DALAM PENGUNDORAN TENTERA BRITISH DARI SARAWAK DAN SABAH

BERAKAS. — Setia Usaha Pertahanan British, Awang Dennis Healey berkata dalam satu Persidangan Akhbar di-bangunan Lapangan Terbang Berakas pada pagi hari Sabtu 9 Julai, 1966 bahawa Tentera² British tidak-lah akan di-undorkan dari Negeri Brunei pada masa ini, sungguh pun Tentera² British itu akan di-undorkan dari Negeri² Sarawak dan Sabah menurut satu persetujuan antara Kerajaan² Malaysia dan British.

Awang Healey dan isteri beliau serta rombongan telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang Angkatan Udara Diraja British dari Kuching pada jam 10.40 pagi hari tersebut.

Mereka telah di-temui di-Lapangan Terbang Berakas oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan Dayang Webber. Di-antara-nya yang hadir di-Lapangan Terbang tersebut pada masa itu ialah Pengarah Gerakan Tentera di-Borneo, Major General Dato G. H. Lea.

Dalam Persidangan Akhbar tersebut, Setia Usaha Pertahanan British itu berkata kepada beberapa orang Wartawan² bahawa Britain belum-lah lagi mengadakan sa-barang perundingan pun dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan berkenaan dengan perkara² yang

bersangkut paut dengan pengundoran Tentera² British dari negeri ini.

Tujuan lawatan-nya ka-Negeri Brunei ia-lah untuk melawat Tentera² British di-negeri ini.

Ini-lah kali yang pertama Awang Healey melawat ka-Negeri Brunei semenjak beliau berkhidmat sa-bagai Setia Usaha Pertahanan British. Beliau telah melawat ka-negeri ini dua tahun dahulu, ia-itu pada masa beliau maseh menjadi sa-orang Ahli Party Pembangkang British.

MENGADAP Y.T.M. TIMBALAN SULTAN

Sa-lepas di-adakan Persidangan Akhbar tersebut, Awang Healey telah mengadap Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha di-Istana Darul Hana.

Kemudian beliau pun berangkat ka-Tawau untuk melawat Pasokan Keselamatan di-sana.



Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei, Dato Setia A. J. W. Slater kelihatan sedang berchakap dengan Setia Usaha Pertahanan British, Awang Denis Healey pada masa ketibaan beliau di-Lapangan Terbang Berakas pada hari Sabtu yang lalu.

Beliau telah balek ka-Brunei pada petang hari tersebut dan tinggal sa-bagai tetamu kepada Pengarah Gerakan Tentera di-Borneo, Major General Dato G. H. Lea di-Muara Lodge.

Awang Healey telah melawat Pasokan² Tentera di-negeri ini sa-panjang hari Ahad dan telah berangkat ka-Labuan pada hari Isnin. Dari sana beliau telah berangkat ka-Jesselton.

Sa-lepas menghadhiri jamuan dengan Yang Dipertuan Negara Sabah, Yang Terutama Dato Pengiran Haji Ahmad Ra-

fae, Awang Healey dan isteri telah berangkat ka-Hong Kong.

Pada masa Awang Healey se-bok melawat Pasokan² Tentera di-negeri ini pada hari Ahad, isteri beliau telah melawat sel-dadu² British dan Gurkha yang sakit di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Kemudian Dayang Healey serta rombongan telah di-bawa melawat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin. Sa-lepas lawatan itu, mereka telah terus berangkat ka-Muara Lodge untuk berehat.

PERSIAPAN² TELAH DI-SELENGGARAKAN BAGI MENYAMBUK MAULUD SA-CHARA BESAR²AN DI-DAERAH TUTONG

TUTONG. — Persiapan² telah pun di-selenggarakan bagi menyambut Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-Daerah Tutong sa-cha² besar²an pada tahun ini. Sambutan itu akan di-adakan di-Pekan Tutong pada petang hari Juma'at 15 Julai, ia-itu mengandungi Perarakan keliling Pekan Tutong dan Perjumpaan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin telah di-undang oleh Jawatan Kuasa sambutan tersebut untuk memberikan ucapan di-majlis itu.

Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin telah juga

di-jemput untuk bersharah di-majlis tersebut.

Sa-lain dari itu, ucapan² akan di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh dan Pengerusi sambutan, Yang Dimulikan Begawan Mudim Haji Adnan, Kadhi Daerah Tutong.

(Lihat Muka 8)



Gambar ini di-ambil di-Persidangan Akhbar antara Setia Usaha Pertahanan British, Awang Denis Healey (tidak kelihatan dalam gambar ini) dengan para Wartawan di-bangunan Lapangan Terbang Berakas pada hari Sabtu 9 Julai. Berdiri di-kanan sekali ialah Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber.

13 So'alan2 Di-Kemukakan Dalam Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei Dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 13 So'alan Mulut telah di-kemukakan oleh 6 orang Ahli2 dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara pada pagi hari Khamis 7 Julai, 1966.

Persidangan itu telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei dengan di-Pengerusikan oleh Awang Ali bin Awang Besar, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Majlis tersebut di-mulai dengan Bachaan Do'a Selamat, oleh Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin, sa-orang Ahli Yang Di-lantek.

Yang Mulia Awang Hashim bin Saman, Wakil Kawasan Kuala Brunei telah mengemukakan satu so'alan, Yang Mulia Awang Haji Tengah bin Hashim, Wakil Kawasan Bendahara Lama, Brunei telah mengemukakan dua so'alan. Yang Mulia Awang Masri bin Raub, Wakil Kawasan Saba, Brunei telah mengemukakan tiga so'alan.

Yang Mulia Awang Moktal bin Md. Salleh, Wakil Kawasan Sultan Lama, Brunei telah mengemukakan tiga so'alan. Yang Mulia Awang Salleh bin Aliakbar, Wakil Kawasan Pahlawan, Brunei telah mengemukakan dua so'alan dan Yang Mulia Pengiran Mohammed bin Pengiran Lahab, Wakil Kawasan Raja Muda, Brunei telah mengemukakan dua so'alan.

So'alan yang telah di-kemukakan itu dan jawapan2 oleh Kerajaan ada-lah saperti berikut:

SO'ALAN OLEH YANG MULIA AWANG HASHIM BIN SAMAN, WAKIL KAWASAN KUALA BRUNEI:

Perbelanjaan Helikopter Untuk Merawat Penduduk2 Kampong2 Yang Jauh Dari Bandar

Di-dalam Daerah Brunei dan Muara, helikopter2 yang berulang-alek memberi ubat2 untuk merawat orang2 kampong penduduk2 Daerah Brunei dan Muara dan pendalaman, saya ucapkan berbanyak2 terima kasih.

Di-sini saya berkesempatan menasehatkan Kerajaan, benarkah belanjawan2 helikopter2 itu sa-kali jalan belanjanya \$750. Kalau sa-puloh kali ganda sudah belanjanya 7,500. Di-sini saya berpeluang sedikit bagi menasehatkan Kerajaan untong rugi-nya.

Bagi pendapat saya, banyak memakan belanja. Sa-patutnya, baik-lah di-bena KELINIK2 pada tiap2 kawasan. Ada-lah sesuai sa-tiap waktu

dan sa-tiap masa boleh anak2 kampong berhubung dengan kelinik yang di-tetapkan. Kalau maseh berjalan dengan seterusnya, helikopter2 yang berulang-alek itu mamakan masa 5 atau 10 tahun, Kerajaan ada-lah rugi. Ada-kah Kerajaan menyedari-nya?

JAWAPAN KERAJAAN:

Mengenai dengan perbelanjaan helikopter2 tidak dapat di-jawab, kerana helikopter yang di-gunakan untuk merawat orang2 kampong pendalaman ada-lah meliputi seluruh Daerah (negeri). Sunggoh pun demikian, Kerajaan telah menyedari perkara ini untuk mendirikan Klinik2 di-Kampong2 yang mustahak di-adakan Klinik. Plan2 Klinik2 tersebut telah pun di-sediakan dan peruntokan-nya pun telah di-perolehi.

SO'ALAN2 OLEH YANG MULIA AWANG HAJI TENGAH BIN HASHIM, WAKIL KAWASAN BENDAHARA LAMA, BRUNEI:

Pembangunan Sekolah2 Baru

1) Memandang suasana pada masa ini, sudah banyak Kerajaan telah mengadakan atau membangunkan sekolah di-Kampong Ayer, atau di-Daerah Brunei dan Muara.

Oleh yang demikian, bilakah lagi Kerajaan akan membangunkan Sekolah2 di-tempat2 yang di-fikirkan layak atau patut di-adakan bagi mengatasi keselamatan atau menjaga kemaslahatan kanak2 yang baharu bersekolah sa-tiap tahun?

JAWAPAN KERAJAAN:

1) Jabatan Pelajaran memang berchita2 hendak membangunkan Sekolah2 Rendah pada kampong2 yang di-fikirkan munasabah. Tetapi buat masa ini, tidak-lah ada faedahnya membuat demikian, kerana:

(a) Kemudahan2 keinderaan bagi mengangkat murid2 di-Kampong Ayer ka-Sekolah2 yang ada sekarang telah di-sediakan oleh Kerajaan.

(b) Sekolah yang di-bangunkan di-Kampong Ayer tidak akan dapat memberi pelajaran lathan jasmari dengan sa-chukup-nya kepada murid2 yang belajar di-situ. Lathan mana yang sangat2 di-kehendaki oleh murid2 bagi membentok

keadaan tuboh, kechergasan dan kesihatan mereka-sa-lain dari pelajaran biasa kerana ketiadaan padang permainan.

Oleh itu, Jabatan Pelajaran telah pun meranchangkan sa-buah Sekolah akan di-bangunkan lagi di-atas daratan dalam kawasan Kampong Lemboangan/Ujong Bukit untuk menempatkan murid2 yang datang dari Kampong2 Tamoi Ujong hingga Kampong Bendahara Lama dan Kampong Lemboangan/Ujong Bukit.

Tambahan Pembinaan Lantai Di-Atas Paip Ayer

2) Beberapa bulan yang lalu, Kerajaan telah menyambong tambatan paip ayer dari Kampong Pemancha Lama hingga ka-Kampong Tamoi Ujong dan memberikan lantai bertumpok.

Oleh yang demikian, bilakah masa-nya lagi Kerajaan akan memberikan atau menambahkan lantai itu dengan seterusnya?

JAWAPAN KERAJAAN:

2- Kerajaan sedang menyukat paip ayer yang tidak mempunyai tambatan itu dan paip2 ini akan di-beri lantai dalam sedikit masa lagi.

SO'ALAN2 OLEH YANG MULIA AWANG MASRI BIN RAUB, WAKIL KAWASAN SABA, BRUNEI:

Keinderaan Untuk Kanak2 Sekolah Dari Kampong Ayer Ka-Sekolah2 Di-Bandar

1) Sa-bagaimana saya ketahui, kanak2 Sekolah Melayu yang tinggal di-Kampong Ayer, tiap2 hari bersekolah ada-lah di-ambil dengan OUTBOARD. Dan jika kanak2 Sekolah Melayu ini terpilih masuk ka-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, kenapakah tidak di-ambil dengan Outboard lagi dan tidak di-benarkan ikut lagi di-Outboard yang mengambil kanak2 Sekolah Melayu tiap2 hari?

JAWAPAN KERAJAAN:

1) Benar. Dasar mengadakan keinderaan untuk murid2 Sekolah Rendah sahaja. Sebab itu, bila murid2 itu telah ma-

sok ka-Sekolah Inggeris (Menengah) keinderaan di-tiadakan. Dalam tahun ini, Jabatan Pelajaran telah mengator samula ia-itu semua murid2 dalam Darjah2 Persediaan di-Sekolah2 Inggeris yang tinggal di-Kampong Ayer akan di-beri layanan yang sama saperti murid2 Sekolah Rendah dan peratoran ini akan di-jalankan dengan saberaapa mungkin bila sahaja tambatan keinderaan telah siap.

Apakah Sebab-nya?

2) Apakah sebab-nya kanak2 yang terpilih masuk ka-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ini tidak di-ambil dan tidak di-bawa bersama dengan kanak2 Sekolah Melayu yang di-ambil oleh Outboard pada tiap2 hari dan perkara yang ganjil ini patut-lah Kerajaan yang berkenaan dapat menyedari dengan sa-halus2-nya.

Kesulitan Dan Kemushkilan

3) Mengikut kesulitan dan kemushkilan kanak2 Sekolah yang terpilih masuk ka-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, patut-nya di-ambil dengan Outboard, atau ikut bersama dengan kanak2 Sekolah Melayu yang di-ambil dengan Outboard tiap2 hari dan haruslah Kerajaan mengambil kesimpulan dan dapat mengatasi perkara yang sedemikian ini.

JAWAPAN KERAJAAN:

Jawapan2 terhadap So'alan 2 dan 3 ada-lah sama saperti Jawapan terhadap So'alan 1.

SO'ALAN2 OLEH YANG MULIA AWANG MOKTAL BIN MD. SALLEH, WAKIL KAWASAN SULTAN LAMA, BRUNEI:

Pembangunan Rumah Untuk Orang2 Buta

1) Di - dalam Ranchangan Kemajuan Pembangunan Negeri Brunei pada tahun 1962 hingga 1966 ada termasuk Ranchangan hendak membangunkan atau mengadakan rumah2 untuk orang buta mata dan yang kekurangan anggota. Buat satakat ini, saya belum nampak di-manakah bangunan itu di-dirikan dan bilakah Kerajaan akan melaksanakan bangunan itu bagi kawasan di-Daerah Brunei dan Muara ini?

JAWAPAN KERAJAAN:

1) Oleh kerana berlaku-nya pemberontakan bersenjata pa-

(Lihat Muka 3)

Tunjukkan-lah Ta'at Setia Kapada Negara Dengan Menggunakan Bahasa Melayu Dalam Semua Lapangan Sa-tiap Masa

BANDAR BRUNEI. — Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah mempersembahkan **MALAM PESTA MAULUD NABI** di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam Juma'at yang lalu dengan memperoleh sambutan yang baik dari kalangan para hadirin yang terdiri dari orang2 dewasa dan murid2 sekolah.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin telah merasmikan pembukaan sambutan tersebut.

Di-antara achara2 yang telah di-adakan di-majlis itu ialah Peraduan Membacha Berzanji dan Peraduan Sharahan serta persembahan2 Nashid dan Bacha'an Al-Koran.

Ustadz Ahmad Sonhaji Mohamad telah melafadzkan satu Sharahan Khas berkenaan dengan Maulud Nabi.

Ini-lah pertama kali Peraduan Membacha Berzanji di-adakan di-Bandar Brunei bagi me-

SAMBUTAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI:

RAMAI UMAT ISLAM MENGUNJONGI PESTA MAULUD

nyambut Maulud Nabi Mohamed s.a.w.

Oleh kerana banyak perserta2 yang telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam Peraduan Membacha Berzanji, maka pehak penaja peraduan itu telah mengadakan satu Peraduan Pemilihan beberapa hari sebelum di-langsungkan Sambutan Pesta Maulud itu.

Berhubung dengan Peraduan2 tersebut, Pengerusi peraduan2 itu, Ustadz Abdul Jalil Haji Noor berkata bahawa Kesah2 Maulud Nabi atau Keputusan Junjongan kita Nabi Mohamed s.a.w., telah selalu kita bacha dari Buku2 atau kita dengar bila menjelang-nya Bulan Rabi'ul Awal dan itu-lah yang terkandung dalam KITAB BERZANJI yang selalu di-laungkan dengan lemak merdu di-Majlis2 Memperingati Maulud Nabi Mohamed s.a.w.

"Tetapi," kata Ustadz Abdul Jalil Haji Noor, "bukan itu sahaja yang patut kita lakukan, bahkan kesan2 daripada periste-

wa Maulud Nabi itu-lah yang perlu kita sedari dan perlu kita teladani dari sa-masa ka-samasa dan untuk mengabdikan kenangan itu supaya tetap berkekalan di-hati sanubari anak2 muda kita hari ini dan untuk jinarasi2 yang akan datang."

Keputusan Peraduan Sharahan dan Peraduan Membacha Berzanji tersebut ada-lah seperti berikut:

PERADUAN SHARAHAN: Johan — Awang Ahmad bin Abu Bakar—Wakil dari Persatuan Kampong Saba (PERKASA). Naib Johan—Awang Ahmad Murshidi bin Haji Mohamed Salleh—Wakil dari Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan. Ketiga — Awang Abdullah bin Mohd. Daud — Wakil dari Persatuan Ikatan Setia Pahlawan (INSAP). Ke-empat—Awang Mahmud Morshidi bin Othman — Wakil dari Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei.

PERADUAN MEMBACHA BERZANJI — BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Haji Besar bin Awang Yahya. Naib Johan — Awang

Haji Abdullah bin Awang Lakim. Ketiga — Awang Mohd. Mohen bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong. Keempat — Awang Matsah bin Rawi.

PERADUAN MEMBACHA BERZANJI — BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Zaiton binte Hussain. Naib Johan — Dayang Aminah binte Siling dan Pemenang Ketiga — Dayang Azizah binte Naweh.

Hakim2 Peraduan Sharahan ia-lah Ustadz Ahmad Sonhaji Mohamad, Ustadz Adham Haji Ali dan Ustadz Hassan Zaki.

Hakim2 Peraduan Membacha Berzanji ia-lah Ustadz Awang Ibrahim bin Jamak, Ustadz Awang Salleh bin Abdul Karim dan Ustadzah Dayang Sharifah Mariam binte Syed Salim.

Yang Mulia Awang Abdul Salam bin Abdul Razak, Setia Usaha Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei merangkap Pemangku Kadzi Daerah Brunei dan Muara telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan tersebut dan juga kepada para hakim peraduan2 itu.

13 So'alan2 Di-Kemukakan

(Dari Muka 2)

da tahun 1962, banyak Rancangan2 Kemajuan Pembangunan Kerajaan yang tergendala dan tidak dapat di-laksanakan, termasuklah rancangan mengadakan rumah untuk orang2 buta dan chachat ini.

Bangunan ini akan di-adakan sa-baik saja pelat2 dan guru2 yang mahir dan berpengalaman serta pakar dalam perkara ini boleh di-dapati untuk sa-Negeri Brunei, ia-itu bukan saja untuk Daerah Brunei dan Muara.

Pengeluaran Lisen Berniaga Di-Pasar Besar Bandar Brunei

2) Sudah beberapa tahun, Kerajaan telah membangunkan Pasar Besar untuk berjaul ikan dan sayur dan sa-bagai-nya di-Bandar Brunei dan pula di-penohi kebanyakan-nya dari Bangsa China yang berjaul di-bangku2 tersebut.

Adakah mereka ini kesemuanya mempunyai dan mengambil dan mendapat taraf kera'ayan Negeri Brunei. Jika tidak, adakah Undang2 yang di-ke-luarkan oleh Kerajaan membolehkan mengambil bangku2 dengan tidak mengenal sa-siapa jua pun?

JAWAPAN KERAJAAN:

2) Mengikut Undang2 Lembaga Bandaran tidak-lah di-dapati bahawa Pejabat Bandaran boleh menahan keluaran lisen2 berniaga kepada segala bangsa. Sungguh pun demikian. Pejabat Bandaran tidak-lah lengah dari berusaha bagi memberikan peluang2 yang ada kepada orang2 tempatan. Dari daftar Pejabat Bandaran, ada 85% peluang2 telah di-berikan kepada orang2 tem-

patan dan 15% kepada orang2 asing.

Pinjaman Wang Kepada Pekebun2 Dan Peladang2

3) Ada-kah Kerajaan memberikan bantuan wang kepada ra'ayat Negeri Brunei ia-itu kepada pekebun2 dan penternak2 ayam dan itek serta kaum peladang. Jika ada, bagaimanakah chara2 bagi mendapatkan-nya dan apakah syarat2 yang di-kehendaki kepada mereka dan juga berapakah banyak-nya tiap2 satu jenis?

JAWAPAN KERAJAAN:

3) Masa ini, Kerajaan tidak memberi pinjaman kepada orang2 awam untuk maksud2 dalam so'alan tersebut.

SO'ALAN2 OLEH YANG MULIA AWANG SALLEH BIN ALIAKBAR, WAKIL KAWASAN PAHLAWAN, BRUNEI:

Jambatan2 Tambahan Di-Kampung Ayer

1) Bilakah pehak Kerajaan akan membena Jambatan2 tambahan yang di-sambong dari Jambatan paip ayer di-kawasan2 Kampung Ayer yang berkenaan?

JAWAPAN KERAJAAN:

1) Kerajaan telah pun menyukat tempat2 yang berkehendakkan tambatan yang berlantai dan kerja ini akan siap tidak lama lagi.

Pembenaan Jambatan2 Di-Segerakan

2) Memandang kepada pembenaan jambatan2 tersebut ada-lah terlalu lambat, dari itu penduduk2 kampung mende-sak supaya pembenaan2 Jambatan2 tersebut di-segerakan dan di-mulai dalam bulan ini.

JAWAPAN KERAJAAN:

2) Kerajaan sedang pun berikhtiar untuk menyiapkan jambatan untuk di-sambong katanambatan2 paip itu.

SO'ALAN2 OLEH YANG MULIA PENGIRAN MOHAMMED BIN PENGIRAN LAHAB, WAKIL KAWASAN RAJA MUDA, BRUNEI:

Kedudukan Kampung Paya Kerangan: Ada-kah Di-Limbang Atau Di-Daerah Brunei?

1) Dalam persidangan Majlis ini yang ke-13, salah satu so'alan mulut yang saya kemukakan berkenaan dengan penangkapan penduduk2 Kampung Paya Kerangan oleh Kerajaan Limbang. Dalam jawapan Kerajaan itu, ada-lah tidak tepat dan mengelirukan.

Kalau Kampung Paya Kerangan di-Ulu Kampung Limau Manis itu, masa ini belum dapat di-tentukan oleh Kerajaan Brunei, sama ada dalam Daerah Brunei atau Limbang, mengapakah penduduk2 kampung tersebut dan kampung2 yang berdekatan dengan-nya itu di-beri oleh Kerajaan Brunei Kad2 Pengenalan Warga Negara Brunei dan di-beri Kad2 Mengundi sa-bagai pengundi2 yang sah dalam Pilihan Raya tahun lepas.

Dalam Kad2 Pengenalan mereka2 itu ada terchatet perkara "KAMPONG PAYA KERANGAN LIMAU MANIS BRUNEI". Ini bererti, kampung tersebut dalam Daerah Brunei. Beri keterangan2 yang jelas dan tepat dalam perkara ini.

JAWAPAN KERAJAAN:

1) Ada-lah benar bahawa ada di-antara penduduk2 Kam-

pong Paya Kerangan di-Ulu Limau Manis itu telah di-ke-luarkan Kad2 Pengenalan dan telah di-masokkan di-dalam daftar Pengundi Pilihan2 Raya Negeri Brunei, tetapi sa-takat mana kedudukan berkenaan Kampung2 itu belum ada ketetapan, sama ada kampung itu di-dalam Kawasan Brunei atau pun Kawasan Sarawak.

Masa'alah Kekurangan Ayer Di-Kampung Ayer

2) Sungguh pun paip2 ayer masa ini sudah di-sambong kakanampung2 Ayer, tetapi masa'alah kekurangan ayer maseh lagi terdapat di-kalangan penduduk2 Kampung Ayer, kerana ayer yang di-dapati dari saloran2 paip2 ayer itu tidak menchukopi, kadang2 hanya waktu malam saja paip2 ayer itu dapat mengeluarkan ayer lebeh2 lagi di-musim2 kemarau.

Dalam perkara ini, adakah Kerajaan menyedari dan apakah langkah2 Kerajaan untuk mengatasi-nya bagi memberikan bekalan ayer yang cukup kepada penduduk2 Kampung Ayer?

JAWAPAN KERAJAAN:

2) Pada musim kemarau dahulu, Kerajaan telah pun mengambil langkah untuk menutup paip ayer di-sabelah malam oleh sebab kekurangan ayer.

Penduduk2 Kampung Ayer menggunakan ayer sa-banyak 300,000 galon sa-hari. Jadi, ayer yang ada itu tidak menchukopi dan apabila "main" ayer ini di-tutup, maka tersampai-lah udara ("air lock") di-dalam paip2 ini, maka sebab itu-lah ayer terlambat turun apabila "main" besar itu di-buka pada tiap2 pagi.

RANCHANGAN MENGHAPUS MALARIA

MINGGU LALU, Ketua Ranchangan Penghapus Malaria di-Negeri Brunei, Dr. Yeo Tsing Wu telah menekankan bahawa jika penduduk2 negeri ini, terutama sa-kali di-kawasan pendalaman meneruskan kerjasama mereka, maka tahun 1970 merupakan tahun yang akan terchatet sa-bagai satu sejarah.

“Bahawa tahun 1970 Negeri Brunei bebas dari penyakit Malaria”.

Ramalan itu tidak mustahil akan menjadi satu kenyataan kelak dan untok membuktikan-nya ha-nya-lah dengan melalui kerjasama dari semua pe-hak.

Dari sini maka jelas-lah betapa penting-nya tugas sa-tiap penduduk negeri ini dan kita pun me-mang tidak rela membiarkan berleluasa-nya sa-barang penyakit, kerana kalau ra'ayat sehat negara pun kuat.

Maka itu ada-lah di-utamakan apa jua chara kerjasama yang di-kehendaki dari semua lapisan ra'ayat. Ra'ayat tidak perlu ragu2 dalam memberikan kerjasama itu dan kita harus-lah rela berkor-ban demi untok kepentingan kesehatan yang bukan hanya untok diri sendiri bahkan untok anak, chu-chu dan chichit di-kemudian hari kelak.

Dari perbelanjaan untok kesehatan yang jum-lah-nya berjuta ringgit itu, kita tidak mahu berugi2 bagitu saja tanpa memperolehi keuntongan. Keun-tongan itu ia-lah kejayaan kita mengelakkan diri dari sa-barang serangan penyakit.

Pembersehan sa-sabuah negeri itu dari sa-ba-rang penyakit yang mahu bertapak di-dalam-nya bukan hanya di-lakukan oleh Kerajaan tetapi mesti di-lakukan dengan kerjasama ra'ayat-nya.



Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin kelihatan bersharah.

PENDUDOK2 di - Dae-rah Belait telah menyam-but Maulud Nabi Moha-med s.a.w., sa-chara be-sar2an dengan mengada-kan Perarakan keliling Pekan Kuala Belait dan Perjumpaan di - Padang Besar Kuala Belait pada petang hari Sabtu 9 Julai, 1966.

Kira2 2,000 orang ter-diri dari 31 pasokan telah mengambil bahagian da-lam perarakan itu mulai dari pekarangan Masjid Mohamed Jemalul Alam dan berakhir di-Padang Besar Kuala Belait.

Di-antara-nya y a n g mengambil bahagian da-lam perarakan tersebut ia-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail;



Dalam gambar ini
Daerah Belait. Pa

Ahli2 Jawatan Kua Sambutan; Pegawai2 da Jabatan Hal Ehwal Ug ma, Brunei dan Pench ragam Askar Melayu D Raja Brunei.

Sa-lepas di-adakan pe arakan tersebut, beribi orang telah membanj Padang Besar Kuala B lait di-mana telah c langsung satu Maj Perjumpaan.

Uchapan2 telah di-fadzkan di-majlis itu ol Pegawai Daerah Bela Pengiran Momin bin E ngiran Haji Ismail; Peng



UTAN MAULUD ERAH BELAIT




Antara ahli2 Pasokan Persatuan Kebajikan Perempuan
ah menjadi Johan dalam Perarakan Bahagian Kelas2
Dewasa Perempuan.

isi Sambutan, Awang
hak bin Adam, Kadhi
aerah Belait dan Setia
saha Sambutan, Awang
lahalee bin Haji Abdul-
h, Pemereksa Sekolah2
gama Daerah Belait.

Pemangku Kadhi Besar
egeri Brunei, Awang
aji Mohamed Zain bin
aji Seruddin telah mem-
erikan satu ucapan
has di-majlis itu.

Hadiah2 telah di-sam-
aikan oleh Pengetua Pe-
awai Hal Ehwal Ugama
egeri Brunei, Yang



Pasokan Pulis Diraja, Kuala Belait telah menjadi Johan dalam
Perarakan Bahagian Pejabat2 Kerajaan dan Sharikat2 Perniaga-
an. Wakil pasokan itu Inspektor Awang Ya'akub bin Pehin Per-
dana Indera Haji Zanial kelihatan menerima hadiah dari Pengetua
Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Amat Mulia
Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Amat Mulia Pengiran
Muda Dato Paduka Ke-
maluddin.
Sambutan itu di-akhiri

dengan bacaan Do'a Se-
lamat oleh Imam Masjid
Pekan Seria, Haji Mohd.
Yusof bin Munjil.



GAMBAR2 ATAS DAN BAWAH menunjukkan pemandangan2 semasa di adakan sambutan Mau-
lud di-Padang Besar, Kuala Belait pada petang hari Ahad yang lalu.



JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Sukarelawan Di-Jemput Untuk Berkhidmat Dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei

MASEH ada lagi ka-kosongan untuk memasoki Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei untuk pengambilan orang2 baru untuk berkhidmat dengan Pasokan ini pada hari Selasa 2 Ogos.

Satu pasokan pengambilan orang2 baru akan berada di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Isnin 18 Julai, 1966.

Sukarelawan2 hendak-lah diantara umur 18 tahun hingga 25 tahun dan tidak kurang dari 5 kaki tinggi. Mereka2 ini mesti-lah terdiri dari Warga Negara Brunei dan Berbangsa Melayu. Sukarelawan2 mesti-lah belum beristeri dan ber-setuju tidak akan berkahwin sa-belum mereka menamatkan lathen sa-lama 6 bulan.

Pasokan pengambilan orang2 baru ini akan memberi laporan

penerangan yang lanjut berkenaan dengan chara2 dan kedudukan untuk berkhidmat. Berkenaan dengan tangga gaji yang baru, pension baru dan bayaran sagu hati kepada Askar2 yang akan meninggalkan Tentera dalam masa perkhidmatan 10 tahun atau lebih berkhidmat.

Pasokan pengambilan orang2 baru akan berada di-Dewan Kemasyarakatan Brunei dari jam 8.15 pagi sampai 12 tengah hari dan jam 12.30 petang sampai 4.30 petang pada hari Isnin 18 Julai. Sa-siapa yang ada kehendongan untuk berkhidmat mesti-lah membawa Kad Pengenalan mereka.

Ini ada-lah peluang terakhir untuk masuk berkhidmat dengan Pasokan ini bagi pengambilan pada 2 Ogos, 1966.

Jururawat Terlateh

PERMOHONAN ada-lah di-jemput daripada jururawat2 yang berkelayakan bagi memenohi beberapa jawatan sebagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah mendapat lathen dan lulus dalam bidang kejururawatan 'am dari sa-buah Sekolah Latehan yang di-akui.

Gaji:

Dalam sukatan D3 \$380x20-480 sa-bulan.

Pemohon2 yang berjaya akan di-kehendaki menghantar siji kesehatan tuboh badan.

Sharat2 Lantekan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchuban selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Lantekan isteri2 pegawai Kerajaan Brunei ia-lah sechra sa-bulan ka-sa-bulan.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Julai, 1966.

Tukang Masak Di-Perkhidmatan Bomba Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi dua jawatan kosong sebagai Tukang Masak di-Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$200x5-220 sa-bulan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah bangsa

Melayu, berumur di-antara 30 hingga 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mess/Kantin atau di-ke-dai makan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Julai, 1966.

Pemanchit Nyamok Dan Attendan Makmal Dalam Rancangan Membasmi Malaria

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Rancangan Membasmi Malaria, Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

(a) PEMANCHIT NYAMOK

(1 jawatan)

Gaji: Dalam sukatan E 1-2 EB 3 \$200x10-270/EB/280x10-330.

Kelayakan2:

1. Mesti-lah pandai membaca dan menulis dan mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris.
2. Mesti-lah berbadan sehat.

Tugas2:

1. Mesti-lah bersedia untuk bekerja di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei dan boleh jadi akan di-kehendaki bertugas pada masa2 yang tidak di-tetapkan.

2. Lain2 tugas membasmi malaria yang akan diarah oleh Pengarah, Rancangan Membasmi sebagai tambahan atau sebagai ganti tugas2 yang tersebut di-atas.

(b) ATENDAN MAKMAL

(1 jawatan)

Gaji: Dalam sukatan F 2-3-4-5 \$180x5-240x10-270.

Kelayakan2:

Mesti-lah tahu berbahasa Melayu dengan baik dan ada baik-nya tahu serba sedikit bahasa Inggeris.

Tugas2:

1. Menjaga alat2 makmal dan bekalan supaya berada dalam keadaan baik.
2. Menjalankan tugas2 yang lain sebagai sa-orang Atendan Makmal.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 21 Julai, 1966.

Pembantu Perkamusan Di-Jabatan Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari orang2 Melayu yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan Pembantu Perkamusan di-Jabatan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 \$270x15-360x20-480/EB/500x20-620.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Sekurang2-nya melalui Tingkatan V Persekolahan

an Menengah Kerajaan, atau kelayakan yang sebanding dengan-nya;

- (b) Mahir di-dalam kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, ada mempunyai bakat dan kehenderongan dalam hal ehwal perkamusan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 16 Julai, 1966.

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Perkhidmatan Bomba Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada pegawai2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat II di-Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan D2 EB 3 \$270x15-360/EB/380x20-480.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 yang berikut di-kehendaki memohon:—

- (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan Form I, Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

- (b) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam kerja setor selama sekurang2-nya 5 tahun.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Julai, 1966.

PERLAWANAN HOKI SEKOLAH2 MELAYU BAHAGIAN RENDAH, SEKOLAH2 MENENGAH DAN MAKTAB2 Oleh Awang Md. Hussain Zainal

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Hoki antara Sekolah2 Melayu Bahagian Rendah Negeri Brunei, Peringkat Daerah, atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei akan di-jalankan pada minggu ini.

Perlawanan hoki itu di-bahagikan kepada Bahagian2 Murid2 Lelaki dan Perempuan.

Ini ia-lah satu daripada projek2 tahunan Jabatan Pelajaran Brunei, Bahagian Pendidikan Jasmani.

HADIAH2 REBUTAN

(a) Pasokan Lelaki Perisai Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Kampong Mabohai, Brunei. Pada tahun 1965 di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar, Temburong.

(b) Pasokan Perempuan — Perisai Datin Hajjah Salmah binte Md. Yusof, ia-itu isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan Brunei. Pada tahun 1965 di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Perlawanan Hoki antara Sekolah2 Menengah dan Mak-

tab2 atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei, ia-itu terbuka kepada Sekolah2 Menengah Kerajaan, Maktab2, Sekolah2 Missi dan Sekolah2 Bantuan Kerajaan, ada-lah juga satu daripada projek2 tahunan Jabatan Pelajaran Brunei, Bahagian Pendidikan Jasmani.

Tiap2 pasokan hanya di-bolehkan mengeluarkan dua

pasokan sahaja, ia-itu satu pasokan lelaki dan satu pasokan perempuan. Ahli2 pemain tidak-lah di-hadkan umur, asal-kan mereka maseh bersekolah.


Pendaftaran masuk berlawan di-tutup pada jam 4 petang, 18 Julai, 1966. Borang2 masuk hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Pelajaran Brunei, sa-belum tarikh tersebut.

Sa-lain daripada perlawanan hoki tersebut, Perlawanan Hoki antara Pertubuhan2, Klab2

dan Badan2 Persekolahan bagi Daerah Brunei, atas anjoran Persatuan Hoki Negeri Brunei akan juga di-adakan.

Pendaftaran masuk di-tutup pada jam 4 petang, 18 Julai, 1966. Untuk mendapatkan Borang2 Masuk dan keterangan2 yang lanjut mengenai perlawanan hoki tersebut di-minta berhubung dengan Awang Masni bin Md. Husain, d/a Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei.

Pengakap2 M.P.M.B. Berjalan Kaki Sa-jauh Kira2 90 Batu Dari Pantai Muara Ka-Seria



Ketetapan Masa Bertanam Padi - Musim 1966/67 Di-Daerah Belait

(A) PADI PAYA (SAWAH)

Bil.	Mukim (Kawasan-Kampong)	Tarikh- Tarikh				
		Turun ka-Sawah	Mulai Menyemai	Penghabisan Menyemai	Mulai Bertanam	Penghabisan Bertanam
1.	Mukim Sg. Liang/Lumut (Dari Kg. Lailas-Lumut)	15.7.66	5.8.66	5.9.66	15.9.66	15.11.66
2.	Mukim Bukit Sawat (Dari Kg. Sg. Ubar -Apak2)	15.7.66	5.8.66	5.9.66	15.9.66	15.11.66
3.	Mukim Sukang (Dari Kg. Buau-Dungun)	15.7.66	5.8.66	5.9.66	15.9.66	15.11.66
4.	Mukim Melilas (Dari Kg. Tempinak-Banggerang)	15.7.66	5.8.66	5.9.66	15.9.66	15.11.66
5.	Mukim Labi (Dari Bt. Puan-Teraja)	15.7.66	5.8.66	5.9.66	15.9.66	15.11.66
6.	Mukim Kuala Balai. (Dari Ujong Daun-Tg. Sudai)	15.7.66	5.8.66	5.9.66	15.9.66	15.11.66

(B) PADI TUGAL (HUMA)

Bil.	Mukim (Kawasan-Kampong)	Tarikh-Tarikh				
		Mulai Menebas	Penghabisan Menebas	Penghabisan Membakar	Mulai Menugal	Penghabisan Menugal
1.	Mukim Sg. Liang/Lumut	1.7.66	1.8.66	28.8.66	1.9.66	5.10.66
2.	Mukim Bukit Sawat	1.7.66	1.8.66	28.8.66	1.9.66	5.10.66
3.	Mukim Sukang	1.7.66	1.8.66	28.8.66	1.9.66	5.10.66
4.	Mukim Melilas	1.7.66	1.8.66	28.8.66	1.9.66	5.10.66
5.	Mukim Labi	1.7.66	1.8.66	28.8.66	1.9.66	5.10.66
6.	Mukim Kuala Balai	1.7.66	1.8.66	28.8.66	1.9.66	5.10.66

PERINGATAN KHAS

- Keperluan:** Semua Paya2 (Sawah) baik bergerak mau pun berlesen (T.O.L.) asalkan bertuan, wajib-lah mengusahakan hingga memuaskan Pegawai yang berkenaan. Tetapi ditegah menebas atau menebang kayu kayan di-atas tanah Kerajaan dengan tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu.
- Kebersihan:** Segala Parit2, Tali2 Ayer dan rumput2 yang berhampiran atau dalam kawasan masing2 mustahak di-bersehhkan terlebih dahulu, yang mana di-kekelolakan oleh Penghulu, Ketua2 Kampong atau pun Ketua2 Lot masing2 hingga memuaskan hati Pegawai Pertanian.
- Kerbau:** Penangkapan patut memulakan pada 20.7.1966 untuk melaksanakan pekerja'an di-tempat masing2.
- Pagaran:** Mustahak di-buat atau di-perbaiki sampai chukop kuat/kukoh hingga memuaskan hati kepada Penghulu2, Ketua2 Lot serta Pegawai2 yang berkewajipan.
- Amaran:** Mengikut kuat kuasa yang di-beri oleh Bab 9 (4) dan 31 (2) (vii) dalam Undang2 Tanah Penggal 40 Tahun 1909, mengatakan: "Barang siapa di-dapati yang tidak menurut peratoran2 ini, maka dia akan di-da'awa dalam Mahkamah kelak".

BANDAR BRUNEI. — Sera- mai lima orang Pengakap dari Pasokan Pengakap Maktab Perguruan Melayu Brunei telah berjalan kaki mengikut pantai dari Pantai Muara ka-Seria baru2 ini.

Mereka ia-lah Awang Dzulkiflee, Awang Md. Yusof, Awang Musa, Awang Wasli dan Awang Kelikit.

Dalam perjalanan sa-jauh lebeh kurang 90 batu itu, Pengakap2 tersebut telah menyusor pantai dengan menyeberangi sungai2, mendaki bukit2 dan lain2 kesukaran.

Walau bagaimana pun, mereka terpaksa bersabar serta bersedia menempoh segala kesusahan itu, dengan berpandu kepada salah satu daripada Undang2 Pengakap yang berbunyi, "Tersenyum di-masa kesusahan". Akhir-nya mereka telah sampai di-tempat yang di-tujukan itu.

Gambar2 ini di-ambil pada masa perjalanan Pengakap2 tersebut dari Pantai Muara ka-Seria baru2 ini. Berita dan gambar2 kiriman Pesuruh Jaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad.

Perkhidmatan Talipon Antara Brunei / Canada

BANDAR BRUNEI. — Perkhidmatan talipon antara Brunei dan Canada telah di-mulai pada hari Ahad 3 Julai, 1966.

Bayaran-nya untuk 3 minit ia-lah \$39 dan bayaran tambahan sa-lepas itu ia-lah \$13 pada tiap2 satu minit.



Beberapa orang murid2 perempuan kelihatan dalam gambar ini sedang bernashid di-majlis "MALAM PESTA MAULUD NABI" yang telah di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei pada malam Juma'at yang lalu. Berita sambutan itu di-siarkan di-Muka 3.

Persiapan2 Menyambut Maulud Di-Daerah Tutong

(Dari Muka 1)

Sementara itu, dalam satu pertemuan dengan Setia Usaha sambutan tersebut, Awang Abdul Hamid bin Md. Daud pada petang hari Ahad yang lalu, beliau menerangkan bahawa sahingga ka-hari itu, sa-banyak 50 buah pasokan2 di-Daerah Tutong telah mendaftarkan untuk mengambil bahagian dalam Perarakan Maulud pada tahun ini.

"Pada tahun ini, sebagaimana pada tahun lalu, kami tidak akan memberikan hadiah2 ka-pada pasokan2 yang mengambil bahagian," kata Awang Abdul Hamid.

Sungguh pun begitu, sambong beliau, penduduk2 di-Daerah Tutong, dengan mempunyai "SEMANGAT KESEDARAN", telah mendaftarkan nama pasokan2 mereka untuk mengambil bahagian dalam Perarakan bagi menyambut Hari Keputeraan Junjangan Besar kita Nabi Mohamed s.a.w.

Awang Abdul Hamid selanjutnya berkata bahawa oleh kerana Perarakan Menyambut Mau-

lud di-Daerah Tutong pada tahun ini berupa persembahan sahaja, maka Pasokan2 Orang Kampong, Persatuan2 dan sebagainya di-Daerah Tutong yang belum lagi mendaftarkan nama mereka untuk mengambil bahagian dalam perarakan tersebut, ada-lah di-persilakan hadir ka-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada petang hari Juma'at 15 Julai.

Pasokan2 ada-lah di-minta berkumpul di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada jam 2.30 petang. Perarakan akan di-mulai pada jam 3 petang melalui jalan2 di-Pekan Tutong dan balek ka-tempat permulaan.

Ahli2 Jawatan Kuasa sambutan dan Pasokan Pencharagam Askar Melayu Diraja Brunei akan mendahului perarakan tersebut. Perarakan akan di-mulai dengan Bacaan Salawat dan tembakan meriam sa-banyak 12 das.

Terlebeh dahulu akan di-adakan Bachaan Al-Koran dan persembahan Nashid.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13 Julai, hingga ka-hari Selasa 19 Julai, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
13	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	
14	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	
15	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	
16	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14	
17	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14	
18	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14	
19	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PERSIDANGAN MAJLIS2 MASHUARAT PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Sinuai, Bandar Brunei pada jam 5 petang hari Khamis 14 Julai, 1966.

Persidangan Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei pula akan di-adakan di-Ibu Pe-

jabat Pengakap, Seria, berhadapan Maktab Anthony Abell, pada jam 5 petang hari Juma'at 22 Julai.

Sementara itu Pengakap2 di-Daerah Belait akan mengadakan Perkhemahan Tahunan-nya di-Sungai Tali mulai pada hari Juma'at 15 Julai hingga ka-hari Ahad 17 Julai, 1966.

2 Orang Anggota Ranchangan Malaria Berlateh Di-Manila

BERAKAS. — Dua orang anggota dari Ranchangan Membasmi Malaria, Brunei telah berlepas ka-Manila dengan kapal terbang baru2 ini untuk menghadiri kursus mengenai perkara2 yang bersangkutan paut dengan penghapusan Malaria di-sana.

Mereka ia-lah Awang Idris bin Ibrahim, sa-orang Pembuat Peta dan Awang bin Hitam, Ketua Pasokan Bahagian Penyembor.

Kedua2-nya akan menghadiri kursus tersebut atas biasiswa Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia (W.H.O.) di-Pusat Latehan Membasmi Malaria, Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia di-Manila

sa-lama tiga bulan.

Berhubung dengan latehan anggota2 Ranchangan Membasmi Malaria itu di-Manila, Penasehat Kanan Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia di-Brunei, Doktor Miyairi berkata bahawa beliau berharap sa-lepas latehan tersebut, kedua2 orang itu akan dapat memberikan pertolongan kepada Ranchangan Membasmi Malaria di-Negeri Brunei dalam usaha-nya bagi perkembangan Perkhidmatan Kesehatan di-ka-wasan2 pendalaman.

Pada tahun lalu juga, dua orang anggota dari Ranchangan Membasmi Malaria, Brunei telah di-berikan biasiswa Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia untuk berlateh mengenai perkara2 yang bersangkutan paut dengan penghapusan Malaria di-Manila.

Persidangan M.M.D. Temburong

BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong dalam persidangan-nya di-Klub Temburong pada pagi hari Sabtu 9 Julai, 1966 telah bersetuju menasehatkan Kerajaan supaya sa-buah Rumah Persinggahan di-bangunkan di-Bandar Brunei untuk kegunaan Pegawai2 Kerajaan dan orang2 kampong dari Daerah Temburong.

Usul tersebut telah di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Haji Bakar bin Baha, Wakil Ka-

wasan Puni yang menyatakan bahawa Rumah Persinggahan itu akan memberi kesenangan dan kemudahan kepada Pegawai2 Kerajaan dan orang2 kampong yang hendak bermalam di-Brunei.

Usul tersebut telah di-luluskan dengan sa-bulat suara.

Persidangan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Yang Mulia Pengiran Syed Shahmin bin Pengiran Haji Syed Mashore.

Jadual Perlawanan2 Bola Sepak Di-Bandar Brunei dan Daerah Belait

BANDAR BRUNEI. — Jadual Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling, Brunei mulai pada hari ini hingga ka-hari Selasa hadapan ada-lah seperti berikut:

13 Julai: Belia Sengkurong melawan Belia Berakas. Penjaga tepi — Sungai Kebun.

14 Julai: 3PKA melawan Sumbiling "A". Penjaga tepi — Sukarela Tutong.

15 Julai: Sumbiling "B" melawan Sultan Lama "B". Penjaga tepi — Kubu.

16 Julai: Sultan Lama "A" melawan Kubu. Penjaga tepi — Belia Sengkurong.

18 Julai: 3PKA melawan Sungai Kebun. Penjaga tepi — Burong Pingai.

19 Julai: Belia Sengkurong melawan Perkasa. Penjaga tepi — 3PKA.

Perlawanan bola sepak tersebut di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari yang berkenaan.

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak League Daerah Belait di-bawah anjoran B.D.A.F.L. bagi pusingan pertama pada hari Sabtu 16 Julai dan hari Selasa 19 Julai ada-lah seperti berikut:

16 JULAI

(a) K.B.R.C. melawan Pasokan Bekas Penuntut2 Sekolah Saint Michael. Padang — Arina. Pengadil — A. K. M. Salim.

(b) Klab Melayu Shell "B" melawan Pulis Di-Raja. Padang — Marina. Pengadil — R. G. Clark.

(c) J.K.R. "B" melawan Panaga. Padang — Panaga. Pengadil — Kapitan Brown.

19 JULAI

(a) Klab Melayu Shell "A" melawan 2/6 Gurkha. Padang — Marina. Pengadil — R.G. Clark.

(b) J.K.R. "A" melawan Klab Dayak Shell. Padang — Arina. Pengadil — A.K.M. Salim.

(c) Panaga melawan K.B.R.C. Padang — K.B.R.C. Pengadil Kapitan Brown.